

WACANA



AKTIVIS: Cik Khatijun Nissa Siraj dilahirkan pada 1925. Beliau seorang aktivis hak wanita Singapura dan pengasas bersama Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) dan Majlis Kebajikan Wanita Islam. – Foto fail

Kenangi usaha aktivis Khatijun Siraj perjuangkan nasib wanita



GIAT BERKHIDMAT: Cik Khatijun Nissa Siraj (lima dari kanan), pengasas Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), kelihatan bersama ahli Majlis Kebajikan Wanita. – Foto fail

PENULIS TAMU



ALFIAN YUSRIF
Penulis Tamu

*Orang berebut menjadi hantu
Kahwin cerai tiada malunya*

*Perahu Arab berisi jadam
Kena badai rosak tiangnya
Dahulu akrab kini berdemam
Kerana bercerai talak tiga*

MENCARI JALAN KELUAR

Memandangkan penjajah Inggeris kurang prihatin dan kurang memberikan perhatian terhadap isu perceraian di kalangan masyarakat Melayu/Islam, tugas untuk meneliti isu ini dipikul oleh pimpinan masyarakat Islam serta beberapa aktivis masyarakat yang berganding bahu untuk mencari jalan keluar.

Sempena Hari Wanita Sedunia yang diraikan baru-baru ini, sesuai kiranya untuk memberikan sorotan kepada seorang aktivis masyarakat iaitu Cik Khatijun Nissa Siraj.

Dilahirkan pada tahun 1925 dalam keluarga yang begitu mewah, beliau dikatakan tidak perlu bekerja untuk menyara hidupnya.

Namun, keterikatannya dengan masyarakat serta kepekaannya terhadap kesengsaraan yang dialami oleh ramai wanita Melayu/Islam ketika itu menyebabkan beliau turun ke padang untuk melakukan sesuatu.

Cik Siraj kesal melihat ramai wanita Melayu/Islam diceraikan tanpa mendapat perlindungan undang-undang.

Beliau menengahkan bagaimana undang-undang ketika itu sekadar memberi para kadi kuasa untuk mendaftari tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mendamaikan pasangan agar perceraian tidak menjadi langkah penyelesaian yang pertama.

Sekiranya para kadi di Singapura tidak mahu mendaftari perceraian tersebut, undang-undang juga tidak melarang seorang suami untuk sebarang ke Semenanjung untuk mencari kadi lain yang boleh mendaftari cerai.

Para kadi juga tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah agar wanita yang diceraikan mendapatkan sokongan kewangan yang mencukupi.

Menurut pengamatan Judith Djamour lagi, ada berbagai persatuan wanita Melayu/Islam ditubuhkan pada waktu itu untuk memberikan bantuan serta nasihat kepada wanita yang telah diceraikan suami.

Malangnya, kebanyakan persatuan ini tidak mampan dan sekadar timbul secara musiman.

Ini adalah kerana persatuan-persatuan ini sering menghadapi kekurangan dari segi kebolehan pentadbiran serta dana.

Manakala, semangat yang ditunjukkan

SEORANG pengkaji Universiti London, Judith Djamour pada tahun 1950-an pernah memerhatikan:

“Wanita Melayu apabila diceraikan selalunya mendapat hak penjagaan anak dan pada masa yang sama, turut bertanggungjawab atas nafkah anak.

“Jarang sekali wanita tersebut akan menuntut haknya di mahkamah untuk mendapatkan nafkah anak dari bekas suaminya.

Ahli keluarga wanitalah yang sering membantu. Namun, sekiranya tiada yang boleh membantu, maka ada kalanya wanita tersebut akan memberikan anaknya kepada keluarga angkat sebagai langkah terakhir.

Jabatan Kebajikan Masyarakat di tanah jajahan Singapura boleh memberikan bantuan, tetapi hanya sedikit yang mengetahui tentang skim bantuan yang disediakan.”

Pengamatan itu dibuat berkaitan kesan perceraian ke atas wanita Melayu/Islam pada tahun 1950-an.

Beliau terpengkil mengkaji isu itu melihat kadar perceraian yang tinggi di kalangan masyarakat Melayu/Islam di Singapura.

Menurut perangkaan, kadar perceraian pada tahun 1950-1958 adalah hampir 50 peratus di kalangan pasangan Melayu/Islam.

Contohnya, pasangan Melayu/Islam yang berkahwin di Singapura pada tahun 1957 adalah 2,303 manakala pasangan yang bercerai adalah 1,201.

Sebagai perbandingan, pasangan Melayu/Islam yang berkahwin di Pulau Pinang pada tahun yang sama adalah 2,448 manakala pasangan yang bercerai adalah 784.

Ini menunjukkan kadar perceraian di Singapura melebihi kadar perceraian di Pulau Pinang.

Sikap seorang suami menceraikan isteri sesuka hati agar dapat melarikan diri daripada tanggungjawab juga disinggung tajam dalam pantun Melayu Riau.

*Yang disebut berkain baju
Kain dipakai dengan bajunya*

“Cik Siraj tidak mengambil tindakan untuk mengutuk tetapi menggunakan komitmen sosialnya untuk merungki masalah yang dihadapi masyarakat. Berhemah dalam menangani isu serta memiliki visi moral yang jitu, beliau berani menengahkan keprihatinannya terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh wanita yang telah diceraikan walaupun menerima kecaman. Ketika masalah yang dihadapi masyarakat semakin rumit dan meruncing, Cik Siraj tidak mudah mengaku kalah dan menghimpunkan kekuatan akar umbi untuk membuat perubahan.”

– Penulis.

oleh para ahli persatuan pada permulaan selalunya pudar dengan cepat.

Sebagai aktivis masyarakat, Cik Siraj bersama 21 wanita Melayu/Islam turut menubuhkan satu persatuan untuk membantu golongan wanita terutama sekali mereka yang diceraikan suami tanpa sokongan kewangan yang mencukupi.

Bezanya, persatuan ini -yang ditubuhkan pada 1952- masih wujud dan terus menabur jasa bakti iaitu Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS).

MENGUKUKAN INSTITUSI MASYARAKAT

Melalui kerjasama antara pimpinan masyarakat Islam dengan badan kemasyarakatan yang lain termasuk PPIS, sebuah laporan telah dihasilkan agar kerajaan kolonial memperkukuhkan undang-undang yang sedia ada dengan mengambil kira perubahan yang dilakukan terhadap undang-undang di Selangor dan Kelantan.

Akhirnya, pada tahun 1957, kerajaan kolonial meluluskan rang undang-undang yang memperkukuhkan sistem pentadbiran perceraian.

Perubahan yang berlaku termasuklah mewujudkan Mahkamah Syariah pada tahun 1958 dan menugaskan seorang pekerja sosial untuk mendamaikan pasangan yang mempunyai masalah rumahtangga.

Dilantik pada tahun 1960, pekerja sosial Mahkamah Syariah yang pertama adalah Cik Siraj yang banyak membantu pasangan untuk menimbang semula keinginan mereka untuk bercerai.

Perangkaan pada tahun 1961 merekodkan bahawa 457 pasangan tidak jadi untuk meneruskan perceraian.

Setelah bertugas di Mahkamah Syariah selama 10 tahun, Cik Siraj berpindah dan bertugas di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Cik Siraj juga tidak lelah untuk menuntut ilmu.

Memandangkan bahawa beliau memerlukan pengetahuan dalam bidang undang-undang agar dapat memberi bantuan dengan lebih berkesan, beliau menghadiri kuliah yang dikendalikan oleh Tuan Ahmad Mohamed Ibrahim, seorang pakar perundangan.

Walaupun banyak tanggungjawab yang digalas, Cik Siraj rajin menulis.

Makalahnya tentang sistem perundangan Islam di Singapura banyak diterbitkan di jurnal undang-undang.

Melalui penulisannya, kita dapat memahami sejarah perundangan Islam di Singapura serta pembangunan institusi-institusi ehwal Islam pada tahun 1950-an.

PENGAJARAN

Cik Siraj memahami kemelaratan yang dihadapi masyarakat yang sering menghadapi hambatan ekonomi.

Harus diingat bahawa hanya sedikit sahaja masyarakat Melayu/Islam ketika itu yang lahir dalam keadaan mewah serta berpendidikan tinggi.

Generasi sebelum mereka pula kebanyakannya adalah golongan yang berhijrah ke Singapura untuk mencari peluang pekerjaan agar tidak dihimpit kemiskinan yang berleluasa di tanah asal mereka.

Cik Siraj tidak mengambil tindakan untuk mengutuk tetapi menggunakan komitmen sosialnya untuk merungki masalah yang dihadapi masyarakat.

Berhemah dalam menangani isu serta memiliki visi moral yang jitu, beliau berani menengahkan keprihatinannya terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh wanita yang telah diceraikan walaupun menerima kecaman.

Ketika masalah yang dihadapi masyarakat semakin rumit dan meruncing, Cik Siraj tidak mudah mengaku kalah dan menghimpunkan kekuatan akar umbi untuk membuat perubahan.

Beliau tegas dengan harapannya bahawa kekuatan dan masa hadapan masyarakat kita banyak bergantung kepada kestabilan keuluasaan.

Pengukuhan undang-undang berhasil untuk menurunkan kadar perceraian dari tahun 1960 hingga 1971 di kalangan pasangan Melayu/Islam pada kadar tahunan sebanyak 18.5 peratus.

Kejayaan masyarakat Melayu/Islam menangani isu ini menunjukkan betapa pentingnya membangunkan suatu budaya yang peka dengan isu kemasyarakatan serta gigih untuk mencerahkan pemikiran awam!

► Penulis adalah lulusan Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan meraih ijazah ganda Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah (dengan kepujian). Setelah tamat pengajian Sarjana di Universiti Columbia, New York, beliau pulang ke Singapura untuk berkhidmat di beberapa agensi pemerintah. Beliau kini pelajar PhD di Fakulti Undang-Undang, Universiti Nasional Singapura.